Peranan penting Yang di-Pertuan Agong dalam sistem negara

Oleh Dr Nor Aishah Hanifa - Julai 20, 2024 @ 10:01am
bhrencana@bh.com.my



Istana Negara. - Foto Bernama

Sejak Tanah Melayu merdeka pada 1957, sebanyak 17 Sultan dan Raja dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong mengikut mandat seperti termaktub dalam Perlembagaan.

Perlembagaan mengangkat kedudukan Yang di-Pertuan Agong YDPA pada tempat istimewa dan eksklusif berpandukan prinsip Raja Berperlembagaan yang mana mereka dipilih daripada sembilan Raja Melayu di sembilan negeri secara bergilir-gilir setiap lima tahun.

Yang di-Pertuan Agong adalah tunggak negara, Ketua Utama Negara, simbol keutuhan dan perpaduan rakyat. Baginda bukan sahaja warisan utama tamadun Melayu, tetapi memainkan peranan penting dalam sistem Kenegaraan Malaysia.

Baginda mengetuai tiga badan kerajaan, iaitu Perundangan, Eksekutif dan Kehakiman. Baginda mempunyai kuasa memanggil dan membubarkan Parlimen, Ketua Tertinggi Angkatan Bersenjata.

Yang di-Pertuan Agong adalah akar warisan Melayu negara ini, memikul amanah besar menjaga, memelihara kedudukan dan hak istimewa orang Melayu.

Apabila perlu, baginda menitahkan Majlis Raja-Raja (MRR) membincangkan keistimewaan, kedudukan, kehormatan dan kemuliaan Raja-Raja. Baginda juga Ketua Agama Islam bagi negerinya sendiri, Pulau Pinang, Melaka, Wilayah Persekutuan, Sabah dan Sarawak.

Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa budi bicara untuk melantik Perdana Menteri. Kuasa ini terserlah apabila Yang di-Pertuan Agong ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menyelesaikan kemelut Parlimen tergantung selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) sehingga terbentuknya Kerajaan Perpaduan dipimpin Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Baginda juga mempunyai kuasa melantik dan melucutkan jawatan Jemaah Menteri dan Timbalan Menteri selepas mendapat nasihat Perdana Menteri. Yang amat signifikan adalah baginda boleh mengisytiharkan undang-undang darurat jika mendapati keselamatan negara terancam seperti zaman darurat komunis dan negara berdepan pandemik COVD-19.

Program KMJ dekatkan istana dengan rakyat

Hari ini, negara menyaksikan pertabalan Sultan Johor, Sultan Ibrahim sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-17. Sultan Ibrahim terkenal sebagai 'Raja berjiwa rakyat'.

Baginda terkenal dengan Program Kembara Mahkota Johor (KMJ) diperkenalkan pada 2001, satu program bertujuan mendekatkan istana dan rakyat serta mencergaskan industri pelancongan di Johor. KMJ adalah acara tahunan bagi memupuk semangat perpaduan rakyat berbilang kaum di Johor.

Program itu juga bersendikan kerja amal kepada rakyat dengan baginda memberikan sumbangan komputer, pakaian dan basikal kepada murid miskin di luar bandar. Ini jelas mencerminkan jiwa baginda bagi memastikan kesejahteraan dan kepentingan pendidikan rakyat di Johor.

Program ini berlangsung selama 14 tahun melalui jalan darat dan air, membabitkan golongan pentadbir awam Johor, berpeluang melihat kehidupan rakyat dan mendengar masalah mereka secara langsung.

Sultan Ibrahim juga satu-satunya Sultan lulus lesen memandu kereta api Kelas 26 sejak 2010 dan nama baginda disenaraikan dalam Malaysia Book of Records sebagai Sultan pertama memandu kereta api secara rasmi. Sultan Ibrahim juga Sultan yang berani bersuara dalam penjagaan alam sekitar dan masalah hidup rakyat.

Bahkan, baginda juga amat mementingkan Ahli Parlimen menjaga adab dan tatatertib, menggunakan pertuturan bersopan ketika persidangan berlangsung dan menitahkan Speaker Dewan Rakyat mengambil tindakan tegas ke atas Ahli Parlimen melampaui batas, termasuk mengenakan sekatan terhadap mereka selama 14 hari daripada menyertai persidangan.

Dapat dilihat, sejak Sultan Ibrahim mengeluarkan titah peringatan itu, persidangan Dewan Rakyat lebih positif dan aman dalam membincangkan hal ehwal rakyat dan negara. Perdana Menteri dan jemaah menteri dapat menumpukan perhatian dalam pembangunan negara.